

22/06/2003

Umno jamin terus perjuang tingkat nasib Melayu

MASYARAKAT Melayu khususnya di kawasan luar bandar, diberi jaminan tidak akan diabai, sebaliknya akan terus dipertingkatkan jika Umno diberi mandat menjadi tunjang pemerintahan negara.

Ahli Majlis Tertinggi yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, berkata matlamat itu menjadi wadah perjuangan Umno sejak zaman penubuhannya dan tindakan mengkorporatkan agensi seperti Felcra dan Felda adalah bagi mencapai sasaran itu.

"Malah, dalam beberapa bulan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengumumkan beliau akan memberi keutamaan dan perhatian khusus kepada pembangunan sektor luar bandar.

"Tindakan mengkorporatkan Felcra dan Felda adalah sebahagian daripada usaha kerajaan memastikan kedua-dua agensi itu dapat memberi manfaat dan pulangan lebih lumayan kepada masyarakat luar bandar.

"Felda dan Felcra sudah lama berkecimpung dalam sektor getah atau kelapa sawit. Tahun lalu jualan tahunan Felcra menjangkau RM1 bilion, iaitu menyamai pencapaian syarikat swasta lain seperti Guthrie.

"Justeru, jika agensi ini terus dibelenggu kerenah birokrasi, ia hanya membantutkan perkembangannya sedangkan keperluan modal serta pembiayaan yang lebih besar untuk membangunkannya lebih mudah diselaras sektor swasta," katanya pada sesi penggulangan.

Azmi berkata demikian ketika mengulas perbahasan usul ekonomi oleh wakil Negeri Sembilan, Zainuddin Ismail, yang berkata Felcra dan beberapa agensi kerajaan yang diswastakan atau dikorporatkan, lebih mengutamakan keuntungan, manakala persepsinya menyimpang daripada matlamat asal membela orang Melayu luar bandar.

Azmi berkata, pengkorporatan agensi kerajaan juga membolehkan pengurusannya membayar gaji lebih ramai golongan profesional, sekali gus memastikannya menjadi payung yang menjamin keuntungan kepada kumpulan sasaran.

Felcra umpamanya, menjadi payung yang menyediakan tahap sosio ekonomi kepada lebih 83,000 anggota yang kebanyakannya terbabit dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Azmi juga berkata, sebelum Felcra dikorporatkan, ia mampu mencatatkan keuntungan RM100 juta, tetapi selepas pengkorporatan, keuntungannya meningkat kepada RM116.8 juta pada 1997, RM249.8 juta (1998), RM189.5 juta (1999), RM100.4 juta (2001) dan tahun lalu RM147.95 juta, kecuali tahun 2000 sebanyak RM71.5 juta.

(END)